



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Saraan Hakim (Pindaan) 1980
DR.26/1980

Naskah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[1hb Julai 1980.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Saraan Hakim 1971 adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan yang berikut—

Pindaan bagi Jadual Pertama. Akta 45.

“JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2 (1))

(1)	(2)	(3)
Hakim-hakim	Gaji (berpencen)	Tarikh mula berkuatkuasa
1. Ketua Hakim Negara ...	\$6,860 sebulan	1-7-1980
2. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	\$6,310 sebulan	1-7-1980
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo	\$6,160 sebulan	1-7-1980
4. Hakim Persekutuan ...	\$5,910 sebulan	1-7-1980
5. Lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan di Borneo	\$5,460 sebulan	1-7-1980”

Pemakaian.

3. Tertakluk kepada seksyen 4, Akta ini hendaklah dipakai bagi semua orang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Julai 1980 atau yang dilantik sebagai Hakim selepas tarikh itu, walaupun dia mati, berhenti atau bersara daripada, atau terhenti memegang jawatan sebagai Hakim sebelum Akta ini disiarkan dalam *Warta*.

Hakim boleh memilih supaya tidak tertakluk kepada Akta.

4. (1) Seseorang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Julai 1980 boleh, dalam tempoh satu bulan selepas Akta ini disiarkan dalam *Warta*, memilih secara bertulis supaya dia tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan jika dia memilih sedemikian, dia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain yang boleh dipakai baginya seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

(2) Jika seseorang itu tidak membuat pilihan di bawah seksyen-kecil (1), dia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang boleh dipakai baginya dengan mengganti peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam undang-undang lain itu dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 bagi membuat peruntukan untuk menaikkan gaji Hakim-hakim.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta supaya Hakim-hakim berkenaan akan dibayar kenaikan gaji bulanan sebagaimana yang ditetapkan. *Fasal 3* membuat peruntukan supaya pindaan Akta yang dicadangkan itu hendaklah dipakai bagi tiap-tiap orang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Julai 1980. *Fasal 4* membolehkan seseorang Hakim memilih untuk tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan pindaan Akta yang dicadangkan. Tetapi jika dia tidak membuat pilihan itu dia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan ini dan juga kepada undang-undang lain yang boleh dipakai baginya dengan mengganti peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang lain yang dipakai baginya itu dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Bagaimanapun, jika Hakim tersebut memilih untuk tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan pindaan bagi Akta yang dicadangkan, ia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain itu seolah-olah pindaan Akta yang dicadangkan itu tidak diluluskan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan setakat perbezaan di antara gaji-gaji Hakim yang sedia ada dan kenaikan gaji-gaji. [PN. (U²) 1054.]

